

Harta Sepencarian dan Wang Simpanan KWSP: Suatu Perbincangan Dari Sudut “Sumbangan Secara Tidak Langsung”

Suwaid Tapah

Abstract

The claim and distribution of Harta Sepencarian (couple's property jointly acquired during marriage) in Shariah Courts is a common practice among Muslims in Malaysia. This article discusses the terms of "a direct and indirect contribution" pertaining to harta sepencarian as stated by the Islamic Family Law in some states and the decisions made by Shariah Courts. However, there is an arising issue with regard to whether the spouse can claim the Employee Provident Fund as harta sepencarian based on the interpretation of "indirect contribution" if one of them earns some money as "a defined contribution". Therefore, this article tries to analyze that issue based on some relevant provisions of Islamic Family Law and some reported cases.

Pendahuluan

Istilah Harta Sepencarian berasal dari usaha "sama-sama sepencari" digunakan bagi pasangan suami isteri yang sama-sama bekerja membersihkan ladang dan bercucuk tanam (padi huma dsb). Sebenarnya, konsep "sama-sama sepencari" merupakan suatu

kelaziman masyarakat Melayu dan pribumi di Nusantara. Sebab itu, amalan pembahagiannya bukanlah menjadi suatu yang asing bagi masyarakat yang mendiami rantau ini. Ini digambarkan melalui beberapa penulisan¹ dan kes-kes yang diputuskan sama ada di Mahkamah Adat² atau di Mahkamah Sivil³ mahupun di Mahkamah Syariah

Sesungguhnya, tuntutan Harta Sepencarian tidak dianggap sebagai berlakunya suatu kontrak yang boleh diputuskan melalui Akta Kontrak 1950 kerana tidak ada suatu perjanjian bertulis yang membolehkannya dituntut di bawah undang-undang ini.⁴ Setelah Perkara 121 (1A) Perlembagaan Persekutuan dipinda,⁵ Mahkamah Sivil tidak lagi mempunyai bidang kuasa untuk mendengar dan membicarakan tuntutan harta ini.⁶ Kini, Harta Sepencarian sudah dianggap sebagai sebahagian daripada undang-undang Islam.⁷ Mahkamah Syariah diberi kuasa yang jelas untuk mendengar dan membicarakan tuntutan Harta Sepencarian dari mana-mana pasangan orang-orang Islam yang telah bercerai sebagaimana yang diperuntukkan di dalam Enakmen Keluarga Islam yang digubal di negeri-negeri. Begitupun, mana-mana tuntutan Harta Sepencarian hendaklah dibuat mengikut hierarki mahkamah⁸ serta mengikut takat bidang kuasa malnya sebagaimana yang diperuntukkan.⁹

Undang-undang keluarga Islam negeri-negeri memperuntukkan bahawa mahkamah mempunyai kuasa, apabila membenarkan lafadz talak atau apabila membuat suatu perintah perceraian. Ini bermakna kuasa diberi apabila perceraian itu dilafazkan di hadapan hakim atau jika perceraian di luar mahkamah dan tanpa kebenaran mahkamah, perceraian itu hendaklah disah terlebih dahulu bagi tujuan pendaftaran dan begitu juga kategori perceraian lain yang menerusi kuasa mutlak mahkamah. Walau bagaimanapun, tiada peruntukan yang jelas dalam semua Enakmen Keluarga Islam yang memberi kuasa kepada Mahkamah Syariah untuk mendengar dan membicarakan tuntutan harta ini jika sekiranya berlaku kematian salah satu pasangan atau pihak-pihak itu masih menjadi suami isteri kecuali kuasa umum yang diberi kepada Mahkamah di bawah undang-undang induk¹⁰ atau undang-undang pentadbiran Mahkamah Syariah¹¹ untuk mendengar dan membicara tuntutan tersebut.

Tafsiran Harta Sepencarian

Harta Sepencarian ditafsirkan dalam undang-undang keluarga Islam di negeri-negeri kecuali di Kelantan dalam undang-undang Pentadbiran Mahkamah Syariah. Umumnya, terdapat sedikit perbezaan tafsiran meskipun tidak terdapat perbezaan dari segi amalan pembahagian. Di Johor, Melaka, Perlis, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak, Terengganu dan Wilayah-wilayah Persekutuan, harta sepencarian ditafsirkan sebagai “harta yang diperolehi bersama oleh suami isteri semasa perkahwinan berkuatkuasa mengikut syarat-syarat yang ditentukan oleh Hukum Syarak”.¹² Sementara di Pahang

dan Perak, ia ditafsirkan sebagai “pendapatan atau harta yang didapat daripada usaha bersama di antara suami dan isteri dan termasuklah pendapatan yang didapat daripada modal yang diperolehi daripada usaha mereka bersama”¹³. Tetapi di Perak, tafsiran ini kemudiannya dipinda dengan mengambilkira “apa-apa bentuk sumbangan lain semasa perkahwinan”¹⁴ sama sebagaimana di Selangor dan Negeri Sembilan. Di Selangor¹⁵ dan Negeri Sembilan,¹⁶ ia ditafsirkan sebagai “harta yang diperolehi bersama oleh suami isteri, sama ada secara langsung atau tidak langsung, semasa perkahwinan berkuatkuasa mengikut syarat-syarat yang ditentukan oleh Hukum Syarak”. Di Kelantan pula, ia ditafsirkan sebagai “harta yang diperoleh oleh suami isteri dari usaha modal bersama”¹⁷. Begitupun di Kedah, harta Sepencarian tidak ditafsirkan sama ada dalam Enakmen Keluarga Islam 1979¹⁸ maupun dalam Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam 1962.¹⁹

Dari segi amalan, sesuatu harta yang telah diperoleh oleh mana-mana pihak dari suami isteri sebelum mereka berkahwin²⁰ dan kemudiannya kedua-dua pasangan suami isteri itu telah mengerjakan harta itu seperti mereka sama-sama bercucuk tanam di atas tanah suami atau isteri, maka harta itu tetap tidak dikira sebagai harta sepencarian tetapi mana-mana pihak boleh menuntut upah. Begitu juga, misalnya isteri memiliki harta sebelum daripada perkahwinan iaitu melalui warisan, dan si suami tidak mempunyai apa-apa pendapatan tetapi hanya mengusahakan tanah itu bersama-sama isterinya. Dengan hasilnya itu, mereka dapat membeli beberapa bidang tanah atau harta lain, maka harta baru dibeli itu adalah harta sepencarian.²¹

Secara mudah, harta sepencarian bolehlah diertikan sebagai suatu harta sama ada harta alih atau tak alih yang diperolehi bersama oleh suami dan isteri hasil daripada usaha dan sumbangan bersama dalam tempoh perkahwinan mereka dan termasuklah juga nilai harta yang diperolehi sebelum mereka berkahwin (harta asal) yang telah dimajukan atau ditingkatkan nilainya dalam masa perkahwinan melalui hasil usaha bersama.

Kesimpulannya, meskipun terdapat perbezaan tafsiran dalam statut tersebut dari sudut matannya, namun secara umum, konsep dan maksud amalan pembahagian harta ini adalah hampir sama di antara sebuah negeri dengan negeri yang lain iaitu statut memberi penekanan tentang usaha atau modal yang disumbangkan oleh kedua belah pihak dalam tempoh perkahwinan mereka dan rujukan pembahagiannya dibuat mengikut pertimbangan Hukum Syarak. Begitupun, apa yang menimbulkan perbincangan lanjut di sini ialah maksud “sumbangan secara tidak langsung” yang tidak disebut dalam sesetengah undang-undang negeri. Apakah ia memerlukan suatu modal atau sesuatu aset tertentu dimana satu pihak membuat sumbangan yang sedikit berbanding dengan pihak yang satu lagi?

Pihak Yang Boleh Membuat Tuntutan

Pada asalnya, istilah “sama-sama sepencari” hanya melibatkan suami dan isteri sebagaimana dijelaskan. Ini bermakna suami dan isteri sahaja dibenarkan membuat permohonan tuntutan harta ini. Tuntutan boleh dibuat terutama jika berlaku perceraian dan ada harta yang diperoleh dalam tempoh perkahwinan yang pemilikannya dipertikaikan oleh pasangan itu. Dengan meneliti beberapa kes yang diputuskan jika perpisahan berlaku kerana kematian salah satu pihak, maka pihak yang hidup (suami atau isteri - yang mana berkenaan) boleh memohon perisyntihsaran harta sepencarian sebelum harta itu menjadi harta pusaka si mati. Mahkamah biasanya akan menerima permohonan pasangan yang hidup jika dia dapat membuktikan bahawa sebahagian daripada harta yang ditinggalkan si mati itu adalah hartanya yang didasarkan kepada harta sepencarian.²² Begitupun, semua harta yang ditinggalkan oleh si mati boleh menjadi harta pusaka jika pihak yang hidup itu (suami atau isteri – yang mana berkenaan) redha di atas peninggalan si mati atau dia tidak membangkitkan sebahagian daripada harta berkenaan sebagai harta sepencarian. Waris-waris lain yang berhak termasuk anak-anak tidak mempunyai asas untuk memohon bagi pihak si mati. Sebaliknya mereka hanya layak mendapat bahagian harta pusaka si mati.

Tuntutan terhadap harta sepencarian boleh dikemukakan kepada Mahkamah Syariah jika pasangan itu berkahwin secara sah menurut Syarak dan didaftarkan atau yang boleh didaftarkan menerusi pengesahan penikahan (untuk tujuan pendaftaran) di samping soal pemastautinan pihak-pihak itu.²³ Tiada peruntukan yang membolehkan pasangan yang bersekedudukan tanpa nikah yang memperolehi apa-apa harta semasa persekedudukan itu menuntut harta berkenaan mengikut undang-undang pentadbiran Islam di negara ini.

Seseorang isteri yang bercerai dengan suaminya akibat kesalahannya sendiri seperti nusyuz masih berhak menuntut harta sepencarian.²⁴ Begitu juga jika dia bercerai dengan suaminya melalui perceraian khulu’ kecuali khulu’ itu berdasarkan pelepasan tuntutannya atas harta sepencarian²⁵ tetapi setelah ditentukan hak pemilikan masing-masing berdasarkan harta yang dipertikaikan itu.

Harta Diperolehi Dalam Tempoh Perkahwinan

Sesuatu tuntutan yang berkaitan dengan Harta Sepencarian sama ada harta alih atau harta tak alih perlu dibuktikan bahawa harta itu diperoleh dalam tempoh perkahwinan. Harta yang dikumpulkan oleh pasangan suami isteri selepas perceraian tidak dianggap sebagai Harta Sepencarian. Dalam kes *Ningal @ Yang Chik lawan Jamal*,²⁶ plaintif (isteri) yang telah diceraikan menuntut perkongsian dalam Harta Sepencarian. Dibuktikan bahawa defendant (suami) telah menceraikan plaintif pada 12 Disember 1982 tetapi perceraian mereka didaftarkan pada Januari 1983. Di Mahkamah Rayuan,

mahkamah menolak rayuan perayu dan mengekalkan keputusan Kadi Besar. Dalam kes ini, Mahkamah Rayuan mengulas bahawa meskipun dalam nota perbicaraan kes ini, Kadi yang mendaftarkan perceraian perayu dan yang kena rayu telah mencatatkan dan akan menjual rumah itu serta akan membahagi separuh daripada nilainya kepada perayu tetapi nota tersebut hanyalah tidak lebih dari hasrat yang kena rayu memberikan separuh bahagian daripada hasil jualan rumah itu. Sehubungan itu, fakta yang amat penting di dalam kes ini ialah rumah dan kereta yang dipertikaikan itu adalah dibeli oleh pihak yang kena rayu selepas dia menceraikan perayu pada 12 Februari 1982.

Sehubungan itu, pihak yang menuntut perlu membuktikan di mahkamah bahawa harta yang dipertikaikan itu benar-benar wujud. Jika sekiranya tuntutan harta tak alih (misalnya hartanah) dibuat, meskipun beban pembuktian dibebankan kepada pihak yang menuntut dan biasanya pembuktian (dokumen dan sebagainya) berada di pihak yang kena tuntut, tetapi pihak yang menuntut boleh mendapatkan pembuktian itu melalui Perakuan Carian Rasm di Pejabat Tanah berasaskan kepada Jadual 4 Kanun Tanah Negara atau Cabutan Hak Milik berasaskan Jadual 9 (Kaedah 42) Kanun Tanah Negara dan taksiran nilai harta-harta yang dipertikaikan itu melalui penilai berdaftar atau taksiran dari Pejabat Tanah (Pembahagian Pesaka).

Di samping tuntutan hak ke atas harta sepencarian, suatu relief perlu dilakukan bagi memohon tegahan harta tersebut dari sebarang perpindahan. Peruntukan yang agak jelas dibuat dalam undang-undang yang baru digubal dan telahpun diluluskan oleh sesetengah negeri. Undang-undang baru ini memperuntukkan bahawa mahkamah, boleh atas permohonan mana-mana pihak isteri atau suami (mengikut mana-mana yang berkenaan) membuat suatu perintah melarang daripada melupuskan apa-apa harta yang diperolehi dalam perkahwinan jika mana-mana prosiding hal ehwal suami isteri masih belum selesai atau dalam prosiding itu mahkamah boleh membuat suatu perintah berkenaan. Kegagalan pihak-pihak tersebut mematuhi perintah berkenaan boleh dikenakan hukuman sebagai suatu penghinaan kepada mahkamah.²⁷

Harus diteliti bahawa harta-harta lain yang tidak ditafsirkan dengan jelas di dalam undang-undang bertulis yang memberi kuasa kepada Mahkamah Syariah, maka ia tidak boleh dituntut di Mahkamah Syariah. Dengan perkataan lain, undang-undang bertulis berkenaan hanya memperuntukkan *inter alia* tentang perkara-perkara yang melibatkan hal ehwal agama Islam yang dilihat dalam skop yang terhad. Oleh itu jika pertikaian harta (misalnya saham) meskipun ia berlaku dalam tempoh perkahwinan tetapi pihak yang menuntut berjaya membuktikan atas asas anggapan ia sebagai “amanah” (trust), maka ia tidak termasuk dalam makna tafsiran dalam undang-undang keluarga dan Mahkamah Syariah tidak mempunyai bidangkuasa untuk membicarakan tuntutan berkenaan. Tegasnya, apa yang dapat difahami dari peruntukan undang-undang tersebut ialah “perkahwinan atau perceraian” atau “tuntutan-tuntutan terhadap harta yang berbangkit daripada perkahwinan dan perceraian itu” hendaklah berlaku

secara serentak dan bukan secara insidental berasingan atau dalam isu yang tersendiri. Dengan lain perkataan, perkahwinan dan perceraian itu hendaklah ada unsur dominan dan perkaitan yang amat rapat dengan apa-apa tindakan atau prosiding.

Dalam kes *Noor Jahan lawan Md Yusoff dan lain-lain*,²⁸ plaintif merupakan isteri defendant pertama yang menuntut bahawa 47,001 unit saham Amanah Saham Nasional (ASN) yang dikeluarkan oleh defendant kedua (ASN Sdn Bhd) walaupun didaftarkan atas nama defendant pertama, dipegang atas amanah untuknya dan memohon suatu injunksi dan suatu perintah untuk pemindahan saham itu kepadanya. Dalam kes ini, plaintif memberitahu mahkamah bahawa dia telah membeli saham itu atas permintaan defendant pertama. Oleh itu, suatu amanah berbangkit yang memihak kepadanya telah timbul. Plaintiff diberikan suatu injunksi interlokutri.

Meskipun defendant pertama menghujahkan bahawa saham itu merupakan satu hadiah dan memohon supaya tuntutan plaintif dibatalkan atas alasan bahawa ia tidak mendedahkan apa-apa kuasa tindakan yang munasabah, remeh, menyusahkan, salah tanggap di sisi undang-undang dan penyalahgunaan proses mahkamah dan beliau juga memohon supaya injunksi interlokutri itu diketepikan kerana tidak ada soalan serius untuk dibicarakan, terdapat ketidakdedahan fakta material dan sebagainya, di samping menimbulkan suatu bantahan bahawa Mahkamah Tinggi tidak mempunyai bidangkuasa eksklusif di bawah peruntukan Perlembagaan Perkara 121 (1A), namun permohonan beliau (defendant pertama) ditolak dengan merujuk kepada kandungan dan tujuan Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam, Pulau Pinang 1959 yang membuat peruntukan mengawal hal ehwal agama Islam supaya membuat suatu tindakan atau prosiding ke dalam skopnya. Tegasnya dalam kes ini, tuntutan plaintiff untuk relief injunktif bukanlah mempunyai kaitan yang dominan dengan perceraian tetapi sebaliknya ia berbangkit dari relief asas yang dipohon, iaitu penentuan mengenai hak milik (empunya) saham itu dan soal amanah serta tidak ada kaitan dengan hal ehwal agama Islam (dalam soal perceraian dan perkara berkaitan dengannya). Kedua-dua belah pihak juga memperakui bahawa perkara tindakan di bawah maksud seksyen 40(3) (b) (iv) enakmen itu (pembahagian *inter vivos* Harta Sepencarian) iaitu 47,001 unit saham itu adalah dibeli dengan wang plaintiff sendiri dan telah diberi kepada defendant secara eksklusif. Malah sumber atau usaha bersama di antara plaintiff dan defendant pertama tidak dibangkitkan sama ada harga belian atau mana-mana bahagian daripada saham itu diperoleh secara bersama.

Sumbangan Bersama Suami Isteri

Dalam tuntutan harta sepencarian selain harta yang dipertikai diperoleh dalam tempoh perkahwinan, sumbangan bersama juga perlu dibuktikan di mahkamah. Dalam kes *Zarah lawan Idris*,²⁹ mahkamah mendapati tuntutan Harta Sepencarian plaintiff iaitu setengah nilai harga rumah di No 18, Jalan J(1) Bandar Baru Tampoi, Johor Bharu

adalah tidak sabit dan memerintahkan plaintiff mengosongkan rumah tersebut dengan seberapa segera atau bersedia menghadapi tindakan undang-undang. Dalam kes ini, mahkamah mengambilkira sumbangan penuh defendant dalam memperoleh harta ini meliputi usaha defendant sendiri melalui cabutan undi untuk mendapatkan rumah murah yang berharga RM15,000 dengan sebahagian wang simpanan EPF defendant berjumlah RM1,500 sebagai wang pendahuluan dan RM99 bayaran bulanan dari duit gaji defendant sendiri. Mahkamah tidak merujuk yang harta yang dipertikaikan itu diperoleh dalam tempoh perkahwinan. Dalam kes ini, plaintiff meskipun setelah lama bercerai tetapi masih menduduki rumah yang dipertikaikan itu dengan membayar wang ansuran sebanyak RM99 sejak setahun lebih tanpa izin defendant di samping membayar ansuran rumah tersebut juga tanpa izin defendant. Defendant menganggap bayaran tersebut sebagai sewa bulanan.

Ini menunjukkan tuntutan tidak boleh dibuat di Mahkamah Syariah meskipun harta itu diperoleh dalam tempoh perkahwinan jika harta itu diperoleh oleh salah satu pihak sahaja. Apa yang penting diperuntukkan secara khusus di dalam peruntukan ini ialah harta bersama atas usaha bersama yang diperoleh dalam tempoh perkahwinan mereka. Dalam keadaan lain, meskipun harta berkenaan diperoleh dalam tempoh perkahwinan tetapi jika tidak ada unsur sumbangan yang boleh dibuktikan di mahkamah maka pengadilan kes berkenaan adalah tertakluk kepada akta-akta lain atau peraturan-peraturan yang masih terpakai kepada orang-orang Islam dan bukan Islam.³⁰

Tegasnya sebagaimana dijelaskan, unsur sumbangan merupakan alasan penting bagi mahkamah untuk mensabitkan adanya hak harta sepencarian semasa dalam tempoh perkahwinan. Dalam kes tertentu, mahkamah biasanya akan menentukan kadar sumbangan yang jelas tidak dipertikaikan oleh kedua-dua belah pihak dikembalikan kepada pihak yang memberi sumbangan itu. Dalam kes *Ramlah lawan Mohamed*,³¹ meskipun mahkamah menolak tuntutan plaintiff yang menuntut sebuah rumah nombor 203, Bayan Baru sebagai harta sepencarian atas alasan belum sabit milik tetapi mahkamah memerintahkan defendant membayar balik wang guaman yang telah dibayar oleh plaintiff berjumlah RM640.

Walau bagaimanapun, bagi sumbangan yang tidak jelas dan pihak plaintiff berpendapat bahawa harta yang dimiliki dalam tempoh perkahwinan itu, merupakan sumbangan tidak langsung yang diberikan dalam memperoleh harta-harta itu dan harta-harta itu atas nama defendant maka plaintiff dibenarkan mengkaveat harta-harta itu. Alasan tindakan demikian ialah ia dianggap sebagai harta sepencarian yang mana masing-masing pihak mempunyai kepentingan di atas harta-harta itu. Tindakan mengkaveat harta dibuat semata-mata bagi menghalang pihak yang satu lagi menggunakan, menjual atau menggadai harta-harta itu sebelum penyelesaian tercapai melalui keputusan mahkamah.

Dalam kes *Aisny lawan Haji Fahro Rozi*,³² Lembaga Ulang Bicara mengesahkan

keputusan Mahkamah Rendah Syariah yang bersetuju di atas tindakan plaintiff mengkaveat 4 keping tanah iaitu LM 21, Lot 6888 dan Lot 6889 Mukim Ampang Wilayah Persekutuan; H.S.M 2138 Mukim Ampang Daerah Ulu Langat dan H.S.M 1264 P.T. 2873 Mukim Setapak, Selangor yang didaftar atas nama defendant kerana anggapan ia adalah Harta Sepencarian bersama di antara plaintiff dan defendant.

Sumbangan Secara Tidak Langsung

Sumbangan secara langsung begitu mudah difahami iaitu apabila pasangan itu sama-sama berusaha dan berkerja bagi memperolehi sesuatu aset atau harta, misalnya pembelian sebidang tanah, yang dikongsi bersama dan tidak dapat ditentukan siapakah yang banyak memberi sumbangan dalam pemilikan tanah itu dan pemilikan itu dikongsi bersama. Begitu juga, jika pemilikan hanya oleh salah satu pasangan sedangkan usaha dan sumbangan dibuat oleh kedua-dua belah pihak.

Menurut kelaziman, tuntutan harta hanya akan dibuat oleh pihak isteri (wanita) dan bukannya dibuat oleh pihak suami (lelaki). Ini kerana isteri yang telah diceraikan pada masa itu akan menghadapi kerumitan dalam menghadapi hidup baru tanpa suami yang sebelum ini bergantung penuh kepada suami untuk meneruskan kehidupannya. Walau bagaimanapun, berasaskan kepada kes-kes yang berkaitan dengan pertikaian harta ini, mahkamah biasanya terlebih dahulu merujuk setakat mana kadar sumbangan yang diberikan oleh pihak-pihak yang bertikai sebelum mensabitkan tuntutan tersebut sebagaimana dijelaskan. Sehubungan itu, harta yang diperoleh dalam tempoh perkahwinan akan dinilai atau ditentukan bukan sahaja dengan meneliti sumbangan secara langsung, malah juga sumbangan secara tidak langsung. Hak yang diberi kepada isteri untuk menuntut harta ini adalah selaras dengan sumbangan yang diberikan kepada suami dan begitulah sebaliknya.

Tujuan sebenar ditafsirkan pengumpulan harta adalah untuk kepentingan rumahtangga. Walau bagaimanapun, lama kelamaan istilah bekerja ini telah menjadi sangat luas sehingga seorang isteri yang lazimnya menguruskan rumah tangga; menjaga anak-anak, mengemas rumah dan seumpamanya, kini sudah dianggap melakukan kerja meskipun tanggapan umum ia masih tidak mempunyai profesi. Adakah ini antaranya boleh ditafsirkan dalam Undang-undang Keluarga Islam sebagai usaha satu pihak secara tidak langsung yang biasanya diputuskan berhak mendapat harta sepencarian? Undang-undang memberi kuasa kepada mahkamah membahagikan harta mengikut kadar yang munasabah dan pihak yang memperoleh aset itu dengan usahanya menerima suatu kadar yang lebih besar. Sehubungan itu, mahkamah akan mengambil kira takat sumbangan yang dibuat oleh pihak yang tidak memperoleh aset itu kepada kebijakan keluarga dengan memelihara rumah tangga atau menjaga keluarga.³³ Dengan perkataan lain, kekayaan yang diperolehi oleh suami sudah dianggap harta bersama melainkan dapat dibuktikan sebaliknya. Alasan yang biasa

dibangkitkan ialah usaha isteri menguruskan rumahtangga telah memberi satu peluang kepada suami untuk menumpukan perhatian terhadap kerja dan dapat menjamin kelincinan kerja-kerja suami. Pengumpulan harta dari segi kuantitinya adalah juga bergantung kepada sumbangan isteri secara tidak langsung. Begitu juga isteri di mana kelancarannya untuk mengurus rumah tangga adalah juga bergantung kepada suami di luar rumah.

Kesimpulannya, fakta-fakta seumpama inilah yang biasa dibangkitkan dalam penghujahan di mahkamah iaitu sumbangan secara tidak langsung. Secara mudah, sumbangan secara tidak langsung bolehlah ditakrifkan sebagai suatu usaha yang disumbangkan oleh mana-mana pasangan dalam mendapatkan harta itu dimana usaha yang disumbangkan adalah kecil berbanding dengan hasil atau manfaat sumbangan itu yang menghasilkan sesuatu harta. Dengan perkataan lain, salah satu pasangan melibatkan pasangan yang satu lagi sama ada melalui ide, dorongan, nasihat, keselesaan atau ketenteraman salah satu pihak yang berusaha dan berjaya dalam mendapatkan harta itu. Misalnya, seorang lelaki telah berkahwin dengan seorang perempuan dari keturunan yang berpengaruh dan hartawan. Kesan daripada pengaruh keluarga si isteri, si suami telah mendapat gelaran tertentu dalam masyarakat. Justeru, hasil daripada kejayaan-kejayaan yang dicapai oleh si suami itu telah pun berjaya mengumpulkan banyak harta atau aset lain dalam masa perkahwinan mereka itu. Maka, harta yang diperolehi oleh si suami itu sebenarnya hasil sumbangan tidak langsung daripada si isteri dan boleh dikira sebagai harta sepencarian. Persoalannya, adakah sebagai contoh, sepasang suami isteri yang berasal daripada golongan yang kurang berada telah diberi satu lesen untuk menjalankan perniagaan. Isterinya tidak bekerja dan merupakan seorang isteri yang taat dan menjalankan urusan rumahtangga dengan baik. Berkat dorongan isteri dan keharmonian rumahtangganya suami telah berjaya di dalam perniagaan dan menjadi seorang ahli korporat yang berjaya. Kejayaan suami itu secara tidak langsung merupakan sumbangan isterinya kerana isteri telah memberi kebahagian dan perangsang kepada suami di dalam mencapai kejayaan tersebut.

Dari segi amalan, biasanya pihak menuntut terhad kepada isteri yang membuat kerja-kerja rumah atau mengurus rumah dan anak-anak dalam tempoh perkahwinan membuat tuntutan atas asas sumbangan tidak langsung. Tuntutan berasaskan kepada sumbangan seumpama ini dikemukakan kepada mahkamah meskipun dari segi faktanya pihak bekas suami yang mempunyai atau memiliki harta-harta yang dikumpulkan itu. Dalam kes *Rokiah lawan Mohamed Idris*,³⁴ Mahkamah Kadi Besar menolak tuntutan Harta Sepencarian yang dituntut oleh plaintif atas alasan harta-harta yang dipertikaikan berupa sebuah rumah di Taman Cuepacs, Segambut, Kuala Lumpur, sekeping tanah tapak rumah di Mukim Setapak Kampung Baru, Setapak, Kuala Lumpur; pelaburan-pelaburan ASN berjumlah RM10,634.80 dan di Syarikat Permodalan Kebangsaan Berhad sebanyak 670 saham itu diperolehi dengan wang atau usaha defendant sendiri. Plaintiff dalam kes ini gagal membuktikan kepada mahkamah

bahawa plaintiff sendiri telah menyumbang untuk memperoleh harta-harta itu. Mahkamah memutuskan bahawa harta-harta yang dituntut adalah hasil usaha defendant sendiri dengan merujuk kenyataan Imām Syāfi‘ī dalam soal pertikaian suami isteri tentang alat-alat (perkakas-perkakas) rumah di mana hak milik terhadap harta atau barang yang dipertikaikan adalah bergantung kepada kekuatan keterangan pihak yang bertikai. Begitu juga plaintiff perlu membuktikan bahawa tuntutan tersebut bukan ada asas-asas hibah (pemberian) terhadap harta yang dipertikaikan. Dalam kes ini, sejumlah wang di dalam bank atas nama anak-anak plaintiff dan defendant yang dituntut oleh plaintiff, walau bagaimanapun mahkamah menganggapnya sebagai hibah kecuali hibah yang diberi kepada seorang anak angkatnya. Mahkamah menolak tuntutan plaintiff kerana tidak ada asas tuntutan yang boleh meyakinkan mahkamah untuk membahagikan harta tersebut.

Walau bagaimanapun, di Jawatankuasa Ulangbicara yang menerima rayuan plaintiff memutuskan sebaliknya iaitu pihak perayu telah memberi sumbangan tidak langsung kepada perolehan harta-harta itu dengan mengurus dan memelihara rumah tangga dan keluarga. Oleh itu, perayu berhak mendapat satu pertiga daripada harta-harta itu sebagai Harta Sepencarian. Jawatankuasa ini merujuk antara lain kes *Yang Chik* di mana Kadi Besar bersandarkan kepada petikan di dalam kitab *al-Majmū‘* yang menjelaskan bahawa sumbangan secara tidak langsung membuat kerja-kerja di dapur bukanlah merupakan suatu perkhidmatan yang wajib diberikan oleh isteri kepada suami.

Begitupun, mutakhir ini ada kecenderungan baru untuk mentafsirkan di antara soal sumbangan modal dengan sumbangan tenaga di mana kecenderungan memberikan sumbangan yang sama banyak adalah tertakluk kepada sumbangan modal yang diberikan oleh masing-masing pihak. Dalam kes *Zainal Abidin lawan Zarina @ Zureina*,³⁵ mahkamah berpendapat bahawa sumbangan modal dalam sesuatu harta yang menjadi Harta Sepencarian perlu dikenalpasti nilainya supaya dapat dibahagikan berdasarkan kepada modal tersebut dan bukannya berdasarkan kepada nilai sumbangan-sumbangan lain daripada sumbangan modal. Dalam hal ini, jika kedua-duanya bekerja dan mengeluarkan modal bersama, mahkamah perlu mengenalpasti nilai modal dan membahagikan keuntungan atau risiko kerugian berdasarkan nilai modal masing-masing.

Dalam kes ini, mahkamah menolak tuntutan plaintiff terhadap hasil perniagaan defendant di daerah Beaufort yang didakwa atas sumbangan modal ibu mertuanya (ibu defendant) sebanyak RM30,000 dan bapa plaintiff sendiri menyumbang sebanyak RM50000. Plaintiff gagal mengemukakan bukti tentang sumbangan tersebut, di mana saksi pertama tidak dikemukakan tetapi hanya mengemukakan saksi kedua yang memberi keterangan bahawa meskipun dia mengetahui tentang perniagaan tersebut tetapi tidak mengetahui tentang kemajuan dan pendapat perniagaan defendant. Saksi tersebut juga memberi keterangan yang bercanggah dengan tuntutan plaintiff apabila

beliau mengakui bahawa sumbangan modal yang diberikan itu adalah untuk perniagaan daging, minyak dan rotan di daerah Kudat dan bukannya untuk urusniaga di daerah Beaufort. Pun begitu, sumbangan tersebut atau hasil perniagaan itu bukanlah bermakna plaintiff berhak mendapatkan bahagian atas konsep Harta Sepencarian. Malah sumbangan-sumbangan modal tersebut adalah atas ihsan dan kepercayaan penyumbang terhadap kecekapan plaintiff menjalankan urusniaga. Atas asas ini juga tuntutan plaintiff untuk menuntut Harta Sepencarian terhadap dua unit rumah di Taman Lok Kawi, Sabah juga tidak sabit di sisi mahkamah.

Adapun wang simpanan di dalam Bank berjumlah RM33,350.80 atas nama plaintiff, mahkamah memutuskan 1/3 bahagian diserahkan kepada defendant atas asas bahawa plaintiff sendiri tidak manafikan sumbangan defendant sama ada secara langsung atau tidak langsung meliputi usaha defendant mendapatkan lesen yang digunakan oleh plaintiff (atas nama defendant) di samping defendant sendiri ada memasukkan sejumlah wangnya menggunakan asas anggapan bahawa oleh kerana beberapa transaksi kemasukan jumlah wang yang agak tinggi oleh plaintiff hasil perniagaannya sendiri berbanding dengan jumlah gaji plaintiff sebagai seorang pekerja di bank.

Sementara tuntutan plaintiff ke atas harta tak alih (sebuah rumah) No 1229, Batu 2, Kudat, mahkamah menolak harta yang diperoleh ini sebagai Harta Sepencarian. Dalam kes ini, plaintiff gagal membuktikan kepada mahkamah bahawa plaintiff ada ledger akaun plaintiff di Malayan Banking Berhad, Kudat. Mahkamah mengambil kira keterangan defendant melalui keterangan pemilik asal rumah itu serta keterangan-keterangan lain.

Dalam kes *Tengku Anun Zaharah lawan Dato' Dr. Hussein*,³⁶ plaintiff berjaya menuntut Harta Sepencarian iaitu dengan mahkamah memerintahkan defendant menukar hak milik di atas tanah QT(M) 81 Lot 6392 Mukim Kapar Klang seluas tiga ekar lebih kepada plaintiff. Pemindahan hak milik hendaklah disempurnakan dalam masa enam bulan dari tarikh keputusan tersebut dijatuhkan. Dalam kes ini sumbangan berbentuk modal dari pihak isteri dibuktikan tidak ada dalam memperolehi harta-harta yang berupa tanah, rumah dan kedai-kedai dalam tempoh bersuami isteri. Bahkan modal plaintiff yang diberikan oleh defendant untuk membuka kedai kain dan salun rambut telah diambil oleh plaintiff sendiri. Walau bagaimanapun, plaintiff telah berusaha memberi sumbangan modal lebih-lebih lagi memberi sokongan kepada defendant sehingga mendapat gelaran Dato' dengan cepat adalah berpunca dari perkahwinan defendant dengan keluarga Di-Raja dan ini telah memberi kepercayaan orang ramai kepada defendant dalam urusan perniagaan.

Berbeza dalam kes *Haminahbe lawan Samsudin*,³⁷ mahkamah memutuskan bahawa rumah di No 84-F, Mk 12 Bayan Lepas, Pulau Pinang dibahagi dua dengan nilaiang wang; sebuah almari kain baju, almari pinggan mangkuk dan dapur gas diberi

kepada plaintiff dan set kerusi meja, sebuah kereta, TV dan peti sejuk diserahkan kepada defendant. Dalam kes ini, mahkamah mendapati isteri (plaintif) sepanjang perkahwinannya dengan defendant telah membuat kerja-kerja yang lazimnya dilakukan oleh seorang isteri tanpa mendapat pertolongan dari orang gaji. Mahkamah berpendapat bahawa segala harta-harta yang diperoleh dalam tempoh perkahwinan dianggap sebagai harta bersama. Kerja-kerja yang dilakukan oleh isteri sekurang-kurangnya telah meringankan beban defendant sekurang-kurangnya satu pertiga dari tanggungannya.

Mengulas amalan pembahagian berdasarkan “sumbangan secara tidak langsung”, mahkamah biasanya akan merujuk dua kaedah asas yang mana tuntutan Harta Sepencarian boleh disabitkan. Pertama, harta yang didapati atau diperolehi bersama di mana kedua pihak telah memberi sumbangan masing-masing untuk mendapatkan harta tersebut dalam tempoh perkahwinan. Kedua, jika harta yang didapati atau diperolehi tersebut hanya melalui usaha suami, maka mahkamah akan mengambil perhatian sumbangan isteri terhadap kebajikan rumah tangga.³⁸ Sehubungan itu, pihak menuntut perlu membuktikan kepada mahkamah bahawa dia telah menyumbangkan khidmat terhadap kebajikan rumah tangga dengan mengatasi atau berlebihan dari peranan seorang suami yang juga telah menyumbangkan khidmat kepada kebajikan rumah tangga. Ini boleh dilihat dalam kes *Boto' lawan Jaafar*³⁹ di mana sumbangan plaintiff telah mengatasi atau melebihi khidmat seorang isteri biasa sehingga sanggup berhenti kerja kerana berkahwin.

Begitupun, dalam kes rayuan mal *Noordin lawan Kalthom*,⁴⁰ istilah “sumbangan tidak langsung” tidak ditimbulkan. Dalam kes ini Lembaga Rayuan mengekalkan keputusan Mahkamah Kadi yang memutuskan bahawa harta-harta di lot No 7088 dan 7066 di Kg Sungai Midah, Cheras sebagai Harta Sepencarian dan memerintahkan defendant (perayu) menyerahkan setengah bahagian daripada harta-harta tak alih tersebut serta pampasan di atas harta-harta yang telah dimajukan oleh SPPK Sdn Bhd kepada plaintiff (responden) atas dasas responden telah sama-sama menyumbangkan tenaga dalam mengusahakan harta-harta yang dipertikaikan itu.

Dalam kes ini perayu selepas berkahwin dengan defendant telah berjaya dalam permohonannya menjadi peneroka di bawah Skim Rancangan Peneroka Sungai Midah yang dilaksanakan oleh kerajaan mengikut peruntukan yang terdapat di dalam Land (Group Settlement Areas) Act 1960. Di bawah skim ini kerajaan menyediakan sebidang tapak rumah seluas suku ekar bersama-sama rumah yang didirikan, sebidang kebun getah seluas enam ekar dan dua ekar tanah dusun, di samping wang bantuan bulanan, benih-benih getah dan buah serta baja. Ini bermakna soal modal tidak timbul kerana semuanya disediakan oleh kerajaan atas dasar subsidi melainkan sumbangan tenaga menjaga kepentingan tanah-tanah yang dipertikaikan itu. Pada peringkat awal, mereka mengakui telah menyumbangkan tenaga untuk mengusahakan tanah yang disediakan oleh kerajaan tetapi selepas 2 hingga 3 tahun menjadi peneroka, perayu

terpaksa mencari kerja di luar bagi menampung pendapatan sehari-hari dan bertugas antara jam 7 pagi hingga 3 petang. Hanya sebelah petang sahaja beliau ke kebun, itupun sekiranya tidak letih.

Mengikut peruntukan seksyen 10 Land (Group Settlement Areas) Act 1960, peneroka yang berdaftar sahaja diberi hak pegangan dan tidak hak pemilikan. Mengikut keterangan perayu dalam kes ini, beliau (perayu) adalah seorang yang aktif di kalangan peneroka memperjuangkan kepentingan peneroka dan turut serta di dalam beberapa perundingan dengan pihak berkuasa dan menganggotai beberapa jawatankuasa semata-mata bagi menjaga kepentingan peneroka. Saksi-saksi yang dipanggil memberi keterangan juga bersetuju tanpa usaha gigih perwakilan, peneroka tidak mungkin mendapat apa-apa.

Dalam kes ini sumbangan tenaga perayu (yang barangkali boleh dianggap sumbangan secara tidak langsung) dalam kira bicara terhadap pembangunan tanah dengan SPPK Sdn Bhd di samping usaha bersama perayu dengan responden menjaga kepentingan tanah-tanah adalah melebihi sumbangan responden terhadap pembangunan tanah-tanah tersebut bahkan hakikatnya sejak mula berkahwin dengan responden hingga 3 tahun selepas bercerai, harta-harta tersebut adalah bukan hak milik mereka tetapi hanya diberikan hak pegangan untuk tinggal dan berusaha di atas tanah-tanah tersebut meskipun status hak milik sepenuhnya dibuat apabila perjanjian mengenainya ditandatangani oleh perayu dengan SPPK Sdn Bhd pada 17.3.88 iaitu selepas 3 tahun bercerai (tarikh bercerai 2.11.1985). Begitupun, di atas ihsan perayu, perayu telah menyerahkan wang pampasan tanah-tanah yang dipertikaikan sebanyak RM25,000 (Ringgit: Dua Puluh Lima Ribu) semasa menjadi suami isteri.

Dalam kes ini, mahkamah nampaknya tidak cuba menimbangkan kadar sumbangan perayu dalam usaha memajukan tanah-tanah itu tetapi sebaliknya lebih cenderung untuk merujuk keputusan Jawatankuasa Tanah Wilayah Persekutuan (yang telah mengadakan mesyuaratnya ke 161 pada 21.11.80) memutuskan bahawa manapun pemohon (suami atau isteri) hanya boleh melepaskan haknya di atas pegangan tanah-tanah itu dengan syarat tawaran dan pampasan hendaklah dibahagi sama banyak di antara kedua belah pihak.⁴¹

Pada asasnya, Islam tidak menyekat atau menghalang isteri untuk bekerja di luar rumah selagi sesuatu profesion itu tidak bertentangan dengan Syarak dan tidak menghalangnya dari menunaikan tanggungjawabnya terhadap suami dan anak-anak serta mendapat izin dari suami. Kini, kaum wanita sudah mempunyai profesion tertentu di luar rumah, meskipun menjadi satu tanggapan umum bahawa seorang isteri yang hanya menguruskan rumah tangga (anak-anak) atau menjadi suri rumah sepenuh masa masih dianggap tidak bekerja sebagaimana dijelaskan.

Apapun tafsiran dibuat, hakikatnya di dalam struktur sosial masyarakat Islam, peranan atau fungsi isteri, dan malah suami memberi sumbangan secara langsung atau

tidak langsung di dalam rumah (seperti yang dijelaskan oleh Hadith-hadith berkaitan) masih tergolong dalam kategori “kerja-kerja mulia” yang diambil kira sebagai sunat (*mandūb*) dan hanya Allah memberi pahala ke atas mereka.⁴² Rasulullah (s.’a.w) sendiri menunjukkan bagaimana baginda memberi khidmat di dapur (rumah tangga) seperti yang diriwayatkan oleh ‘Ā’isyah (r.’a).⁴³ Dan hal ini tidak berbangkit apabila ia dihubungkan dengan sumbangan secara tidak langsung di luar rumah, malah prinsipnya selaras dengan keputusan hakim-hakim di Mahkamah Sivil seperti yang dijelaskan.⁴⁴

Sehubungan itu, ada benarnya pendapat Dr. Mat Saad Abd Rahman apabila beliau mengatakan bahawa pembahagian dibuat adalah dengan mengambilkira kedudukan kedua-dua pasangan suami isteri itu bekerja. Oleh itu isteri yang tidak bekerja tetapi hanya sekadar menguruskan rumah tangga serta kebaikan anak-anak maka harta yang diperolehi dalam tempoh perkahwinan itu sepenuhnya adalah menjadi milik suami dan bukan dianggap sebagai harta sepencarian.⁴⁵

Dapat disimpulkan bahawa dalam menentukan pembahagian harta yang diperoleh dalam tempoh perkahwinan, mahkamah nampaknya menggunakan budibicaranya atau dalam menentukan pembahagian harta yang diperoleh melalui sumbangan secara tidak langsung terutama membantu suami di luar rumah. Ini boleh dirujuk dalam kes *Md Alyas lawan Fatimah*,⁴⁶ Mahkamah Rayuan mengekalkan keputusan Mahkamah Kadi yang memerintahkan plaintiff (Yang Merayu) menye-rahkan satu pertiga (1/3) daripada Harta Sepencarian yang disabitkan oleh mahkamah iaitu tanah-tanah Lot No 27 Kg Bukit Lampam, Kuala Nerang seluas 5 relung, Lot 1419 Kebun 500 seluas 1 relung dan sebuah rumah kediaman di atas tanah ini serta perkakas-perkakas rumah. Mahkamah telah mengambilkira sumbangan moral atau tenaga plaintiff membantu suami bagi menghasilkan harta seperti mengemas rumah, menjaga anak-anak di samping bermiaga membantu suami bagi membiayai keluarga.

Begitu juga dalam kes *Normani lawan Abd Rahim*,⁴⁷ mahkamah mengambilkira kadar sumbangan yang diberikan oleh kedua-dua pihak dalam memperolehi harta-harta yang dipertikaikan berupa harta alih iaitu sebuah kereta (Toyota Corolla) atas nama defendant bernilai RM8,000, perabot-perabot rumah, alat-alat elektrik dan pinggan mangkuk yang bernilai RM6,000 dan harta tak alih iaitu sebuah rumah teres satu tingkat di Jalan 17/A Shah Alam, Selangor yang pendaftaran hak milik atas nama defendant bernilai RM54,440. Kedua-dua pihak dalam kes ini tidak mempertikaikan jumlah kedua-dua harta alih dan harta tak alih ini dan pengumpulan-nya dibuat dalam tempoh perkahwinan mereka. Walau bagaimanapun, defendant hanya mempertikaikan tentang sumbangan plaintiff dalam pengumpulan harta-harta tersebut.

Keterangan plaintiff dan soal balas daripada peguam defendant dan plaintiff jelas menunjukkan bahawa plaintiff pada awal perkahwinan mereka juga bekerja sebagai pemeriksa tiket panggung wayang di Ampang Park dan terus berhenti kerja setelah

berbadan dua sehingga lah plaintif melahirkan kesemua anak-anaknya seramai 6 orang, mengurus karenah anak-anak dan rumah tangga sehingga lah perceraian berlaku pada 22 Oktober 1989.

Mahkamah memutuskan bahawa harta alih (kereta jenis Corolla) dan harta tak alih (rumah) adalah Harta Sepencarian kepada plaintif dan defendant dan hendaklah dibahagi di antara kedua pihak iaitu satu pertiga (1/3) kepada plaintif dan dua pertiga (2/3) kepada defendant.

Kesimpulannya, mahkamah dalam membuat pertimbangan untuk memutuskan sesuatu pembahagian akan merujuk kepada hukum Syarak sama ada ia melibat sumbangan langsung atau tidak langsung sebagaimana yang dikehendaki oleh tafsiran mengenai harta ini dalam undang-undang pentadbiran yang dikuatkuasakan. Ini boleh diikuti dalam kes-kes yang diputuskan misalnya kes *Anita lawan Zainuddin*⁴⁸ dimana Jemaah Ulangbicara Mahkamah Wilayah Persekutuan memutuskan bahawa masalah harta sepencarian dalam kes itu hendaklah diselesaikan mengikut hukum syarak sebagaimana berikut:

Dalam kes di mana suami isteri berusaha bersama-sama dengan modal tidak ditentukan, jikalau menjadi perbalahan di atas usaha mereka itu, maka hukumnya:

- i. Jika ada keterangan yang cukup tentang usaha pihak menuntut, maka hasil usaha itu terpulang kepadanya.
- ii. Jika tiada keterangan yang cukup di atas usaha masing-masing, dihukumkan bersumpah kesemuanya. Apabila bersumpah semuanya dibahagikan usaha itu sama banyak. Jika semuanya enggan bersumpah dibahagikan sama banyak juga. Jika salah seorang enggan maka usaha itu terpulang semua kepada yang bersumpah. Jika salah seorang atau semuanya telah mati, maka hukum bersumpah itu dipertanggungjawabkan ke atas waris si mati itu, sekiranya waris itu menuntut.
- iii. Jika berlaku adat kebiasaan bahawa salah seorang daripada suami isteri itu berusaha lebih dari yang lain, maka persetujuan pembahagian hendaklah mengikut adat kebiasaan itu. Jika persetujuan tidak didapati, maka pembahagiannya adalah seperti 1 dan 2 di atas.

Begini juga dalam kes *Hajjah Saudah lwn Hanafi dan lain-lain*,⁴⁹ mahkamah mendapati tiada seorang saksi pun bagi pihak yang membuat tuntutan balas yang keterangannya boleh dipegang sebagai bukti yang sah bahawa tanah yang dituntut itu adalah harta sepencarian. Begini juga tiada saksi bagi pihak Hajjah Saudah memberi keterangan sebagai bukti yang sah tanah itu bukan harta sepencarian. Oleh itu, merujuk sebagai panduan daripada kitab *Bughyah al-Musytarsyidin* dalam mana disebut hukum syarak di bahagian tepi muka surat 280 dan 282 yang menghendaki (dalam kes ini Hajjah Saudah) diberi pilih sama ada hendak bersumpah syarie atau

sebaliknya. Sekiranya Hajjah Saudah bersumpah maka kesemua tanah lapan lot itu menjadi miliknya. Sekiranya Hajjah Saudah tidak bersumpah, maka sepatutnya diberi pilih kepada mereka membuat tuntutan balas itu sama ada hendak bersumpah atau tidak. Sekiranya mereka bersumpah, maka mahkamah akan membuat keputusan bahawa tanah-tanah itu ialah harta sepencarian.

Yang Arif Qadi Besar sebelum itu tidak memberi pilih untuk bersumpah sebagaimana yang tersebut itu dan di Mahkamah Rayuan ini, hakim memberi pilihan kepada Hajjah Saudah untuk bersumpah, supaya kes ini dapat ditamatkan segera dan tidak payah dihantar balik kepada Yang Arif Qadi Besar. Mahkamah Rayuan menerangkan kepada Hajjah Saudah hadith Rasulullah s.‘a.w yang bermaksud:

“Sesiapa yang mengambil sejengkal tanah orang lain dengan jalan yang zalim maka akan ditanggung di atas lehernya di hari kiamat sedalam tujuh lapisan bumi.”

Setelah diberi gambaran tentang keadaan orang yang melanggar sumpah yang akan dilaknat Allah di akhirat kelak sebagaimana maksud hadith itu, maka Hajjah Saudah berkata bahawa dia bersetuju hendak bersumpah syarie, lalu dia bersumpah. Justeru dengan itu, kesemua tanah lapan lot itu sahlah menjadi miliknya.

Caruman Dalam KWSP

Di bawah skim KWSP, pekerja diwajibkan mencarum setiap bulan sebahagian daripada pendapatannya kepada KWSP. Sementara majikannya pula dikehendaki menambah jumlah tersebut dengan kadar tertentu. Kadar caruman semasa yang ditetapkan ialah 11% bagi caruman pekerja dan 12% bagi caruman majikan. Caruman yang dibayar setiap bulan dicampur dengan sebarang keuntungan pelaburan yang diperoleh ke atas simpanan tersebut akan menentukan jumlah simpanan atau faedah persaraan yang akan diperoleh pada umur 55 tahun persaraan. Tujuan utama simpanan antara lain ialah menyediakan faedah persaraan kepada pekerja dalam bentuk jaminan kewangan untuk membiayai persaraan dan jika berlaku kematian, simpanan ahli akan digunakan untuk meringankan beban kewangan waris/tanggungan. Sementara jika berlaku hilang upaya, simpanan ahli akan digunakan untuk ahli sendiri atau orang tanggungan dari segi kewangan.

Mengikut amalan kini, simpanan ahli dibahagikan kepada tiga akaun utama iaitu Akaun I sebanyak 60% daripada persaraan untuk persaraan (boleh dikeluarkan pada umur 55 tahun). Akaun II sebanyak 30% daripada simpanan bagi pengeluaran umur 50 tahun dan rumah dan Akaun III sebanyak 10% daripada simpanan untuk tujuan biaya kesihatan.

Bagi tuntutan caruman ahli kiranya ahli meninggal dunia, pihak KWSP telah memperkenalkan sistem penamaan sejak tahun 1952. Sistem ini membolehkan

penama membuat tuntutan dan pihak pengurusan dapat menguruskan pembayaran dengan cepat dan mudah. Walau bagaimanapun, jika ahli tidak membuat penamaan, maka pembahagian simpanan akan dibuat menerusi Surat Probet, Surat Kuasa Mentadbir atau Surat Perintah Pembahagian. Perkembangan terbaru pembahagian simpanan bagi penama ahli yang beragama Islam, penama merupakan wasi atau pentadbir dan bukan pemilik. Penama hendaklah membahagikan simpanan tersebut mengikut hukum Faraid setelah menerima simpanan tersebut. Walau bagaimanapun, dalam keadaan ini, KWSP tidak mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan ke atas penama yang tidak menjalankan tanggungjawabnya sebagai wasi atau pentadbir tersebut di bawah Akta KWSP.⁵⁰ Malah, dalam keadaan lain, terdapat juga ahli yang tidak membuat penamaan orang tanggungan atau warisnya yang mana ini menyebabkan ketidakpuasan hati waris-waris. Penyelesaiannya, jika tiada penamaan dibuat, waris ahli perlu mendapatkan Surat Perintah Pembahagian daripada Pejabat Tanah atau Amanah Raya Berhad tertakluk kepada nilai simpanan tersebut. Biasanya pihak pengurusan KWSP tidak dapat membuat pembahagian simpanan dengan cepat.

Harus difahami bahawa skim KWSP dan Skim Pencen Perkhidmatan Awam (SPPA) juga mempunyai matlamat yang sama. Apa yang berbeza ialah skim KWSP menyediakan perlindungan kewangan kepada pekerja di sektor swasta dan pekerja tidak berpencen sektor awam. Manakala SPPA menyediakan perlindungan kewangan kepada pekerja Perkhidmatan Awam yang diletakkan di bawah Skim Pencen. Faedah persaraan Skim KWSP dibayar secara sekaligus atau secara berperingkat mengikut pilihan ahli pada umur 55 tahun. Faedah persaraan SPPA pula dibayar pada umur 55 tahun dalam bentuk pencen dikira dengan mengambil kira tempoh perkhidmatan serta jumlah pendapatan bagi tempoh tertentu dan kadar gantiannya ialah 50% daripada gaji akhir.

Seksyen 51 dan 54 Akta KWSP serta peraturan-peraturan yang dipakai.⁵¹ merupakan peruntukan penting untuk tujuan caruman dan pengeluaran. Berdasarkan mekanisme dan peraturan yang ditetapkan maka tuntutan harta sepencarian berasaskan sumbangan secara tidak langsung adalah tidak berbangkit. Ini kerana sebagaimana dijelaskan harta yang simpan menjadi milik peribadi pencarum. Tegasnya, dari segi objektif dan tujuan sebagaimana disebutkan adalah untuk kebajikan pencarum di hari tua. Malah jika kakitangan perkhidmatan awam yang memilih saraan melalui pencen sewaktu persaraan adalah juga hasil caruman yang dimasukkan dalam Kumpulan Wang Amanah Pekerja.

Di Mahkamah Sivil, tuntutan mengenai caruman dalam KWSP dan termasuk gratiuti ketika persaraan telah diputuskan sebagai harta perkahwinan. Pasangan yang berkenaan boleh memohon injunksi bagi menghalang majikannya atau agen daripada mengeluarkannya sehingga pemohonan relief ansilarinya diselesaikan.⁵² Di Mahkamah Syariah pula, sejauh penelitian berdasarkan kes-kes yang diputuskan tidak begitu jelas sama ada caruman dalam KWSP sudah diiktiraf sebagai harta sepencarian

atau sebaliknya dan sehingga kini belum ada fatwa yang jelas mengenainya. Misalnya, dalam kes *Mariam dan Mohamed*⁵³ yang diputuskan di Mahkamah Rendah Kuala Terengganu, mahkamah telah memerintahkan kepada defendant (Mohamad) supaya menyerahkan sebanyak RM18,000 daripada jumlah caruman dalam KWSP kepada plaintif (Mariam) dan memerintahkan kepada Pengurus KWSP Negeri Terengganu supaya memasukkan caruman KWSP defendant sejumlah yang tersebut itu daripada jumlah carumannya kepada penama Mariam. Walau bagaimanapun, perintah yang dikeluarkan ini adalah berdasarkan persetujuan kedua-dua belah pihak.

Sebenarnya, jika caruman yang dibuat oleh salah satu pasangan dijadikan sebagai harta yang dipertikaikan dan menjadi kes mahkamah sama ada di Mahkamah Sivil atau Mahkamah Syariah, pihak KWSP mempunyai budi bicara menasihati ahli supaya menyempurnakan perintah tersebut sebaik-baik sahaja caruman itu layak dikeluarkan.⁵⁴ Dengan perkataan lain, perintah mahkamah berkenaan adalah bagi memudahkan pihak KWSP mentagkan caruman kepada penama yang disebut dalam perintah berkenaan. Malah, oleh kerana caruman simpanan dianggap sebagai harta milik peribadi, pihak-pihak yang berkepentingan boleh menggunakan mekanisme tersebut bagi melunaskan pembayaran apa-apa tuntutan yang berbangkit dalam perkahwinan dan perceraian iaitu dalam keadaan tertentu misalnya tiada harta lain yang dimiliki - seperti mut'ah, hutang, nafkah dan lain-lain melalui perintah yang dibuat oleh mahkamah.⁵⁵

Kesimpulan

Konsep dan pembahagian Harta Sepencarian di Malaysia telah dikanunkan di dalam Enakmen Keluarga Islam negeri-negeri. Mahkamah Syariah negeri-negeri diberi bidangkuasa eksklusif untuk mendengar dan membicarakan tuntutan harta ini dari mana-mana pasangan orang Islam yang telah bercerai. Sesuatu tuntutan yang boleh dipertimbangkan mahkamah adalah bergantung kepada takat atau kadar sumbangan yang diberikan oleh pihak yang menuntut terhadap harta-harta yang dikumpulkan dalam tempoh perkahwinan mereka. Mahkamah Syariah biasanya mengambilkira sumbangan secara tidak langsung kepada sumbangan berbentuk modal atau aset di luar rumah. Sumbangan secara tidak langsung di dalam rumah (mengurus rumah dan anak-anak) akan dipertimbangkan tertakluk kepada kuasa budibicara mahkamah dengan mengambilkira status pihak yang memohon.

Dengan merujuk peruntukan bertulis dan mekanisme yang dipakai serta konsep asal harta sepencarian bagi menentukan status caruman dan hak pencarum, bolehlah disimpulkan bahawa caruman dalam KWSP adalah harta milik peribadi dan bukan dianggap sebagai harta sepencarian.

Nota Hujung

1. Lihat misalnya Syaykh Ahmad bin Muhammad Zayn bin Muṣṭafā al-Faṭāñī, *al-Fatāwā Faṭāniyyah*. Siam: Cetakan Patani Press, 1377H, h.104, yang menggambarkan bahawa bagaimana pasangan suami isteri masyarakat Islam di selatan Thai dan Kemboja menamam kapas dan menanam padi huma di mana difatwakan hendaklah dibahagi dua dan jika mati hendaklah ditentukan dahulu harta sebenar si mati kecuali pasangan yang hidup redha di atas harta yang ditinggalkan sebagai harta si mati.
2. Lihat kes-kes berkaitan dengan pembahagian harta seumpama ini yang dikumpulkan oleh Lee Hun Hoe, *Cases on Native Customary Law in Sabah*. Kota Kinabalu: Jabatan Cetak Kerajaan, 1973, dan *Cases on Native Customary Law in Sarawak*. Kuching: Percetakan Kerajaan, t.t.
3. Lihat misalnya kes *Boto' lawan Jaafar* [1985] 2 MLJ 98; Robert @ Kamarulzaman lawan Ummi Kalthum [1966] 1 MLJ 163; dan lain-lain.
4. Sila teliti misalnya kes *Ramah lawan Laton* (1927) 6 FMSLR 128 dimana dalam menentukan hukum Syarak atau hukum adat, pada masa itu dibuat melalui keputusan Mesyuarat Kerajaan Negeri [iaitu sebelum ditubuhkan institusi Mufti secara rasmi dan kerana itu diperkenalkan Enakmen Penentuan Hukum Syarak bagi Negeri-negeri Melayu bersekutu]. Berdasarkan kepada Minit Mesyuarat tersebut, yang dimaksudkan dengan harta syarikat ialah harta yang mempunyai perjanjian secara bertulis. Cuma, dalam kes ini mahkamah keliru sebenarnya apa yang dibangkitkan oleh Laton ialah harta sepencarian yang beliau namakan sebagai harta syarikat. Harta Syarikat dibincangkan secara khusus dalam kitab-kitab fiqh iaitu dalam bab muamalat dan harta sepencarian disentuh secara tidak langsung dalam fatwa-fatwa atau ijtihad ulama sebagai harta atau peralatan rumah yang dipertikaikan oleh suami isteri.
5. Berkuatkuasa 10 Jun 1988 – Lihat Akta [A704].
6. Sila bandingkan antara kes *Ali Mat Khamis lawan Jamaliah* [1974] 1 MLJ 18 dimana rujukan cuba dibuat terhadap Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Negeri Sembilan, 1960 Seksyen 41(3) (b)(iv) dan kes *Hajjah Amin @ Che Tom lawan Haji Abdul Rashid* [1993] 2 MLJ 338; 9 [1994] JH (2) 209. Dalam kes Hajjah Amin, Kanun Tanah Negara selepas pindaan juga dirujuk yang juga mentafsirkan “mahkamah” sebagai termasuk Mahkamah Syariah” dan perintah Mahkamah Syariah terpakai di Pejabat Tanah.
7. Ada kajian dibuat bahawa amalan pembahagian harta ini bukan bersumberkan hukum Syarak. Lihat Noliza Isa, “Harta sepencarian is a matter of Malay custom not of Hukum Syara,” Master of Comparative Law (MCL), International Islamic University, 1990. [K7167.N65 1990 raf; Mikrofilem 7443 ra].
8. Mengikut Arahan Amalan No. 2 Tahun 2002 yang dikeluarkan oleh JKSM, bahawa semua kes tuntutan Harta Sepencarian tak alih dan *ex parte* hendaklah dimulakan

prosidingnya di Mahkamah Tinggi Syariah. Arahan amalan ini berkuatkuasa mulai 16 Ogos 2002.

9. Kebanyakan Mahkamah Syariah di negeri-negeri Semananjung diperuntukkan bidang kuasa mal Mahkamah Rendah Syariah mengenai jumlah atau nilai tuntutan yang dipertikaikan ialah antara RM50,000.00 dan RM100,000.00 ke bawah. Sementara di Sabah dan Sarawak ialah RM300,000.00.
10. Lihat misalnya Akta Wilayah-wilayah Persekutuan 1993 [Akta 505], s.46(2)(b)(iv) Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam Selangor 1989, s. dan negeri-negeri lain yang masih belum menggubal undang-undang pentadbiran mahkamah secara berasingan.
11. Lihat misalnya, Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah Terengganu (Bil. 3/2001), s.11(2)(b)(iv), Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah Perlis (Bil. 5/1992), s.8(2)(b)(iv), Enakmen Mahkamah Syariah Sabah (No. 14/1992), s.10(2)(b)(iv) dan lain-lain.
12. Ruj. Seksyen 2, semua enakmen negeri berikut: Enakmen Johor (No.5/1990); Enakmen Melaka (No. 8/1983); Enakmen Perlis (Bil.4/19991), Enakmen Pulau Pinang (Bil. 2/1985); Enakmen Sabah (No. 15/1992); Ordinan Sarawak (No.5/1991); Enakmen Terengganu (Bil. 12/1985); Akta Wilayah-wilayah Persekutuan 1984 [Akta 302].
13. Enakmen Pahang (No. 3/1987), s.2, Enakmen Perak (Bil. 13/1984). s.2.
14. Lihat Enakmen Perak (Pindaan) Bil. 3/1996, s.3(d) berkuatkuasa mulai 14.3.1999.
15. Enakmen Selangor (No. 4/1984), s.2 dan (Pindaan) No. 6.1988, s.2(b).
16. Enakmen Negeri Sembilan (No. 7/1983), s.2 dan (Pindaan) No. 4/1991, s.2a.
17. Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah Kelantan (No. 3/1982) s.2(1)
18. Enakmen Kedah (Bil. 1/1984). Tetapi, sebagaimana di negeri-negeri lain ada peruntukan yang memberi kuasa kepada Mahkamah Syariah membahagikan apa-apa aset yang diperoleh dalam tempoh perkahwinan.
19. Enakmen Kedah (No.9 /1962).
20. Termasuk harta pusaka dan lain-lain misalnya harta dapatan, harta bawaan di Negeri Sembilan atau harta dom di negeri Kelantan.
21. Lihat misalnya, kes *Hajjah Lijah Bt Jamal v Fatimah Bt Mat Diah* [1959] *MLJ* 63 dan lain-lain.
22. Lihat misalnya kes *Mahmood lawan Hussin dan Seorang Lain* (Bil.2/1989) Ibil Mal, Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Kelantan, *Hajjah Saudah bt. Che Mamat lawan Hanafi bin Hj.Daud dan lain-lain* [1991] 8 *JH* 1 66 dan lain-lain; kes yang dibicarakan sebelum merdeka misalnya kes *Hj. Saemah v Hj. Sulaiman* (1948) *MLJ* dan lain-lain.
23. Lihat misalnya kes *Noh lawan Syakila* [1998] 6 *MLJ* 631.
24. Lihat misalnya kes *Teh Rasim lawan Neman* (1937) 15 *JMBRAS* (1) 18.

25. Lihat misalnya kes *Wan Mahatan v Hj Abdul Samat* (1937) 15 *JMBRAS* (1) 25.
26. [1989] 6 *JH* (2) 243.
27. Rujuk Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Melaka) No.12/2002, s.108 (1) (2), Ordinan Undang-undang Keluarga Islam Sarawak 2001 [Bab 43] s.111(1) (2). Cf. Undang-undang yang sedia terpakai misalnya, Enakmen Undang-undang Pentadbiran Keluarga Islam Terengganu (Bil.12/1985), Seksyen 105 (1-3); Akta Keluarga Islam Wilayah-wilayah Persekutuan 1984, Seksyen 106 (1) (2).
28. [1994] 1 *MLJ* 156.
29. [1989] 5 *JH* (1) 186.
30. Lihat misalnya, kes *Alias lawan Fatimah dan Lain-lain* [1990] 7 *JH* (1) 47 dimana Mahkamah Syariah memutuskan bahawa kes ini tiada kaitan dengan alang hayat atau hibah, tetapi mengenai hal ehwal hutang-piutang. Mahkamah Syariah tidak mempunyai bidang kuasa membicarakannya. Plaintiff dinasihati supaya membuat tuntutan di Mahkamah Sivil.
31. [1981] 1 *JH* (2) 77
32. [1990] 2 *MLJ* xxvi; [1991] 7 *JH* (2) 216.
33. Lihat misalnya Akta Wilayah-wilayah Persekutuan 1993 [Akta 505], s.58 (4)(a); Enakmen Selangor (No.4/1988), s. 58 (4)(a), dan lain-lain negeri.
34. [1989] 6 *JH* (2) 272; [1990] 7 *JH* (1) 111.
35. Kes Mal No.24/1988, Mahkamah Kadi Residensi Pantai Barat, Kota Kinabalu dan Rayuan Mal No.3/1989, Mahkamah Rayuan Syariah, Kota Kinabalu, Sabah.
36. [1983] 3 *JH* (1) 125.
37. [1401H] 1 *JH* (2) 71.
38. Lihat nota no.
39. [1985] 2 *MLJ* 98. Kes yang diputuskan di Mahkamah Sivil ini mengembangkan prinsip sumbangan secara tidak langsung.
40. Kes Rayuan Ulang Bicara Bil.7/1990, Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur; Bil. 44/1987, Mahkamah Kadi Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur.
41. Fakta kes hampir sama dengan kes *Mansjur lawan Kamariah* [1989] 6 *JH* (1) 301. Dalam kes *Nordin*, mahkamah menjelaskan bahawa ia tidak terikat dengan pendapat dan keputusan kes ini.
42. Sila rujuk penjelasan Dr. Muhammad ‘Alī al-Barr (1984), ‘*Amal al-Mar’ah fī al-Mīzān*. Saudi Arabia: al-Dār al-Sa‘ūdiyyah, cet. 2, h. 58 dan seterusnya. Lihat juga al-Imām Abū ‘Abd al-Rahmān bin Ahmad bin Syu‘ayb bin ‘Alī al-Nasā’ (1984), ‘*Asyarah al-Nisā’*. Kaherah: Maktabah al-Sunnah, cet. 3, h. 274.
43. Lihat penjelasan dalam kitab *Fath al-Bārī*, h. 417 iaitu hadith al-Aswad bin Yazīd yang bertanya ‘A’isyah tentang khidmat seorang lelaki kepada keluarganya.
44. Lihat misalnya keputusan kes *Boto’ lawan Jaafar* [1985] 2 *MLJ* 98 yang diputuskan oleh YAA Tun Salleh Abbas.

45. Sila rujuk pendapat beliau, *Undang-undang Keluarga Islam: Aturan Perkahwinan*. Shah Alam: Hizbi, 1993, h. 264.
46. Kes Rayuan Mal Bil. 12/1991, Mahkamah Syariah Kedah.
47. Kes Mal No.38/1990, Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan.
48. [1404H] 4 JH (1) 73.
49. [1991] 8 JH (1) 66 dan [1997] 11 JH (1) 26.
50. Akta KWSP 1951 telah digantikan dengan Akta KWSP 1991 pada 1 Jun 1991.
51. Peraturan-peraturan & Kaedah-kaedah KWSP 1991.
52. Sila rujuk kes kes *Lim Kuen Kuen lawan Hiew Km Fook dan lain-lain* [1994] 2MLJ 693. Hakim dalam kes ini mengikut keputusan kes yang diputuskan di Singapura iaitu kes *Ong Chin Ngoh lawan Lam Chin Kian* [1992] 2 SLR 414.
53. Perintah bertarikh 16 Mac 1997, Rujukan Bil. (7) dlm MRSKT 91-010-2-97; Fail Biro Bantuan Guaman BBG.TR (HSPS) 37/97.
54. Temubual dengan En. Shahril Juraimi, Timbalan Pengurus Bahagian Perancangan Korporat KWSP, Bangunan KWSP Jalan Raja Laut pada 5.5.2003 jam 2.30 petang.
55. Di Mahkamah Sivil, sila rujuk kes *Ching Seng Woah lawan Lim Shook Lin* [1997] 1 MLJ 109. Sebenarnya, peruntukan tentang tuntutan dan pembahagian harta sepencarian yang digubal kepada orang Islam dan bukan Islam adalah hampir sama melalui undang-undang yang berbeza iaitu Akta Undang-undang Pembaharuan (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 [Akta 164] untuk orang bukan Islam dan Undang-undang Keluarga Islam yang digubal di negeri-negeri untuk orang-orang Islam. Sila lihat analisis Jane Connors, "Malaysian Responding to Religious and Cultural Pluralism", *Journal of Family Law*, Univ. of Louisville School of Law, Vol. 27, 1988-89.